

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.03/10.12/3 (28)

1 Januari 1999

PEKELILING PEJABAT BENDAHARI BIL. 1/1 1999

Semua Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan
Universiti Teknologi Malaysia

Assalamualaikum Wr. Wbht.,

Saudara,

Peraturan Kewangan Projek Penyelidikan Kontrak Perundingan Universiti

1. Tujuan

1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan Peraturan Baru Pengurusan Kewangan Projek Penyelidikan Kontrak dan Perundingan Universiti.

2. Latarbelakang

2.1 Selaras dengan pengkorporatan Universiti kerja-kerja penyelidikan kontrak dan perundingan seharusnya membantu menjana pendapatan kepada Universiti disamping berupaya memberi galakan kepada perunding terlibat.

2.2 Mengambil kira keperluan di atas Lembaga Pengarah Universiti yang bermesyuarat pada 28hb. Disember 1998 telah meluluskan penyusunan semula peraturan kewangan projek penyelidikan kontrak dan kerja perundingan melalui kertas kerja Jawatankuasa Kewangan Bil. 16/1998.

3. Peraturan Kewangan

3.1 Skop Peraturan Kewangan

Peraturan ini meliputi semua projek perundingan & kerja ujian dan penyelidikan kontrak sarnada dijalankan melalui BIP, UTSB mahupun di Fakulti.

3.2 Bayaran Kepada Perunding/Pensyarah

a) Tiada had bayaran dikenakan. Walaubagaimanapun bagi mengimbangi beban tugas akademik Fakulti/Jabatan, Dekan/Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab membuat kawalan dan

pengawasan berkaitan.

b) Bayaran kepada pelajar dihadkan kepada RM5000.00 setahun.

3.3 Sumbangan ke Tabung Perundingan Universiti & penyelidikan Kontrak :

20% - Berdasarkan kos projek sehingga RM200,000

15% - Bagi tambahan kos projek sehingga RM400,000

10% - Bagi tambahan setcrusnya.

3.4 Agihan Sumbangan

Jenis Sumbangan Projek/ Perkhidmatan	Sumbangan ke Tabung Ke Tabung Fakulti/Pusat	Sumbangan ke Tabung Perundingan Perundingan Universiti
a. Kerja Perundingan Ujian	50%	50%
b. Penyelidikan Kontrak	50%	50%
c. Perundingan Penyelidikan Kontrak (Kendalian Pusat/ Institut).	75%	25%

* Bagi projek yang dijalankan melalui UTSB, sumbangan ke tabung fakulti akan dikemukakan kepada Universiti, manakala jumlah sumbangan ke tabung Universiti akan dikekalkan di UTSB.

3.5 Penggunaan Tabung Perundingan Fakulti

lanya dibawah kawalan Dekan Fakulti. Penggunaan tabung dihadkan kepada program akademik/aktiviti mengurus Fakulti sahaja.

3.6 Kelonggaran Peraturan Perolehan

Aktiviti perundingan dan penyelidikan kontrak dikecualikan dari peraturan perolehan kerajaan kecuali bagi pembelian yang perlu diuruskan metal proses tender. Pengarah RMC & BIP diberikuasa dan tanggungjawab (akauntabiliti) untuk menggunakan budibicara berkenaan jika perlu.

